

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JUNE 2017

# Malaysia terus amal dasar mesra pelabur

BH - 21/6/2017 pg-2

➔ Projek BBCC  
angkat imej  
Kuala Lumpur  
sebagai  
metropolis  
antarabangsa

Oleh Nazura Ngah  
dan Nurhayati Abillah  
bhbiz@bh.com.my

▮ Kuala Lumpur

**K**erajaan memberi jaminan akan terus mengamalkan dasar mesra pelabur tanpa terkesan dengan tindakan pembangkang yang cuba menjejaskan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta pelabur khususnya pelabur asing tidak termakan dengan hasutan pembangkang yang cuba merosakkan dan memburukkan imej negara.

Beliau berkata, kerajaan akan sentiasa mengalu-alukan kemasukan FDI sama ada daripada pelabur Jepun, China, Arab Saudi, Amerika Syarikat atau Singapura,

jika pelaburan itu memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Jika pelaburan itu memberi nilai tambah kepada ekonomi negara, membuka lebih banyak peluang pekerjaan, bawa masuk teknologi baharu dan beri nilai tambah kepada eksport antara negara, kedatangan pelabur ke Malaysia sangat dialu-alukan.

“Abaikan apa yang didakwa pembangkang mengenai FDI kerana apa yang mereka katakan itu adalah satu tuduhan melulu, tiada asas dan bernada berbaur perkauraman,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah Bukit Bintang City Centre (BBCC) dan Mitsui Shopping Park LaLaport KL (LaLaport KL) di sini, semalam.

Yang hadir sama Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Pengerusi UDA

Holdings Bhd merangkap Pengerusi BBCC Development Sdn Bhd, Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah.

## Projek pembangunan BBCC

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan berterusan Mitsui Fudosan selepas projek pembangunan Mitsui Outlet Park berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membuktikan keyakinan syarikat itu terhadap prospek jangka panjang negara ini.

Beliau berkata, ia sekali gus memperlihatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik kepada syarikat global.

“Projek pembangunan BBCC di tapak bersejarah bekas Penjara Pudu, berupaya mengangkat imej Kuala Lumpur sebagai metropolis antarabangsa moden,” katanya.

Perdana Menteri berkata, projek

pembangunan ikonik itu dijangka mengubah kawasan bekas tapak penjara zaman kolonial itu menjadi pusat pembangunan bersepadu kelas dunia menjelang 2020.

Katanya, dengan sasaran 36 juta pelancong yang memberi penajaan pendapatan RM168 bilion menjelang 2020, projek BBCC bakal menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang penting.

Selain menyifatkan pembangunan BBCC adalah contoh projek kerjasama awam dan swasta yang berjaya, Najib berkata, BBCC juga adalah contoh projek utama yang menyokong fokus kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi untuk Greater KL dan Lembah Klang.

➔ Lagi berita Ms.B2